

ANALISIS KEPERLUAN BAGI PEMBINAAN MODEL FIQH MUNAKAHAT MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI

ANALYSIS OF THE NEEDS OF MUNAKAHAT ISSUES OF INDIGENOUS MUSLIM COMMUNITY IN PERAK STATE

Muhammad Syazwan Faiz Shahrom¹

Paiz Hassan^{2*}

Muhammad Yusri Yusof³

¹ Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (E-mail: msyazwanfaiz@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Shahrom, M. S. F., Hassan, P., & Yusof, M. Y. (2024). Analisis keperluan bagi pembinaan model Fiqh Munakahat masyarakat islam orang asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 374 -385.

Abstrak: *Munakahat adalah suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan batas hak di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan. Ia juga merupakan sunnah Rasulullah SAW dan digalakkan di dalam Islam serta dituntut oleh syarak. Sebagai seorang muslim, adalah menjadi kewajipan untuk mengetahui hukum hakam perkahwinan agar rumahtangga yang dibina mendapat sakinah dan mawaddah termasuk juga masyarakat orang asli yang nun jauh berada di kawasan pedalaman dan pinggir bandar. Mereka kaya dengan adat perkahwinan yang diwarisi sejak turun temurun. Pengislaman mereka menyebabkan mereka terikat dengan hukum syarak dan sekiranya tidak ditangani dengan baik boleh memberi tanggapan yang tidak baik terhadap ajaran Islam. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu perkahwinan yang berlaku dalam kalangan orang asli muslim. Bagi tujuan tersebut, metode kajian kualitatif digunakan dengan menggunakan instrumen temu bual. Peserta kajian terdiri daripada penggerak masyarakat orang asli yang berpengalaman melebihi 15 tahun. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa isu perkahwinan masyarakat Islam orang asli telah dikenalpasti seperti perkahwinan bawah umur, pengislaman salah seorang suami isteri, status wali nikah dan pembayaran mas kahwin. Dapatan isu ini sangat signifikan sebagai langkah awal dalam analisis keperluan bagi pembinaan model fiqh munakahat masyarakat orang asli yang meraikan realiti setempat dan berdasarkan pendekatan taysir.*

Kata kunci: *Munakahat; Orang asli; Analisis keperluan; Realiti*

Abstract: *Munakahat is a contract that legitimizes the relationship and defines the rights between a man and a woman. It is also a practice of the Prophet Muhammad (SAW), encouraged in Islam, and required by Shariah law. As Muslims, it is imperative to understand*

the legal rulings of marriage so that the household built can attain tranquility and affection, including among indigenous people who live far in remote areas and on the outskirts of cities. These communities are rich with marriage customs passed down through generations. Their conversion to Islam subjects them to Shariah law, and if not properly managed, it can create negative perceptions of Islamic teachings. Therefore, this study aims to identify marriage issues among Muslim indigenous people. For this purpose, a qualitative research method was used, employing interview instruments. The study participants were community leaders among the indigenous people with over 15 years of experience. The findings revealed several marriage issues among Muslim indigenous people, such as underage marriage, the conversion of one spouse, the status of the marriage guardian, and dowry payment. These issues are significant as initial steps in the needs analysis for developing a fiqh munakahat model for indigenous people that considers local realities and adopts a taysir (facilitation) approach.

Keywords: *Munakahat; Indigenous people; Analysis of the needs; Reality*

Pengenalan

Masyarakat Orang Asli di Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum yang masing-masing mempunyai adat dan budaya yang unik. Adat resam ini bermula dari adat kelahiran sehingga kepada adat kematian dan ianya menjadi tunjang kepada identiti dan cara hidup mereka. Salah satu daripada adat resam mereka ialah adat perkahwinan. Setiap suku orang asli mempunyai budaya perkahwinan yang tersendiri yang adakalanya mempunyai persamaan dan perbezaan antara mereka. Penglibatan dalam upacara perkahwinan masyarakat orang asli bukan sahaja melibatkan pasangan yang akan berkahwin tetapi juga melibatkan komuniti secara keseluruhan dan ia mencerminkan betapa pentingnya institusi perkahwinan dalam struktur sosial mereka. Budaya yang kaya dengan ritual dan simbolisme ini mencerminkan nilai-nilai kolektivisme dan kebersamaan yang sangat mendalam.

Pengislaman masyarakat orang asli sedikit sebanyak memberi kesan dalam pengamalan adat budaya perkahwinan mereka. Kepercayaan tradisional dan amalan budaya telah lama berakar umbi dan apabila mereka memeluk agama Islam, terdapat keperluan untuk mengharmonikan kepercayaan baru ini dengan adat resam yang sedia ada. Penerapan prinsip-prinsip Islam ke dalam kehidupan mereka boleh membawa kepada pertembungan dengan tradisi mereka. Sebagai contoh dalam aspek perkahwinan, Islam mempunyai garis panduan yang jelas mengenai prosedur nikah, wali, mahar, perceraian dan isu-isu kekeluargaan lain. Manakala dalam adat Orang Asli pula terdapat upacara tertentu atau syarat-syarat yang berbeza yang perlu dipenuhi. Keperluan untuk mematuhi kedua-dua set peraturan ini boleh menimbulkan konflik sekiranya tidak ditangani dengan baik. Bahkan mereka perlu mencari keseimbangan antara mematuhi tuntutan syariat dan menghormati tradisi nenek moyang mereka.

Justeri itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu perkahwinan masyarakat Islam orang asli. Ia merupakan langkah pertama bagi pembinaan model fiqh munakahat masyarakat Islam orang asli yang juga dikenali sebagai analisis keperluan. Langkah ini sangat penting bagi memastikan permasalahan tersebut sememangnya berlaku dan merupakan isu-isu kritikal yang membelenggu mereka.

Metodologi Kajian

Analisis keperluan adalah fasa pertama dalam Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan. Menurut McArdle (1998), analisis keperluan merujuk kepada aktiviti yang bertujuan mengenal

pasti isu-isu dalam persekitaran kerja dan menentukan sama ada penambahbaikan adalah tindakan yang tepat untuk dilakukan. Proses ini melibatkan penilaian masalah dan penentuan penyelesaian bagi subjek sasaran. Oleh itu, fasa ini sangat penting kerana ia membolehkan pengkaji mengumpul informasi dan mengenal pasti setiap persoalan kajian dari kumpulan sasaran mengenai keperluan pembinaan model. Berdasarkan ini, beberapa persoalan kajian telah dibangunkan untuk menilai keperluan pembinaan model fiqh munakahat seperti berikut:

1. Adakah terdapat pasangan suami isteri yang masih tinggal sebumbung sedangkan salah seorang daripada mereka telah memeluk Islam?
2. Adakah berlaku perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat Islam orang asli?
3. Siapakah yang menjadi wali nikah kepada wanita Islam orang asli?
4. Bagaimanakah cara pembayaran mas kahwin bagi perkahwinan masyarakat Islam orang asli?

Makalah ini menggunakan kaedah temu bual untuk menilai keperluan dalam pembangunan model fiqh munakahat bagi masyarakat Islam orang asli. Teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan dalam pemilihan informan kajian. Informan dipilih berdasarkan pengalaman lebih daripada 15 tahun dalam mendekati masyarakat orang asli, dan beberapa di antara mereka berasal dari suku orang asli atau mengahwini wanita orang asli. Ini bertujuan memastikan maklumat yang diperolehi tepat dan sesuai dengan ciri-ciri sosiobudaya masyarakat tersebut.

Dapatan Kajian

Isu *Munakahat*: Pengislaman salah seorang pasangan suami isteri

Usaha dakwah yang dijalankan oleh pelbagai pihak khususnya Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) membuahkan hasil dengan kemasukan orang asli ke dalam agama Islam. Namun begitu isu yang berbangkit adalah hanya seorang sahaja yang memeluk Islam sedangkan pasangannya masih belum tergerak hati untuk menjadi muslim. Ini turut diakui oleh peserta kajian semasa ditemu bual dengan katanya:

“Ada ustaz. Pendekatan dia kena slow-slow tengok kaedah mana yang sesuai. Payah jugak ustaz. Berat kita nak royak, rasa berat ustaz . Kadang kita suruh tok penghulu dia royak, tok penghulu dia yang sampaikan benda tu. Kita tak suruh pisah tapi bagitahu kata tak boleh sorang masuk Islam, sorang lagi dak. Macam mana sorang masuk sorang tak masuk, kena masuk dua-dua la Islam. Banyak lagi la berlaku benda ni.”

(Peserta kajian 1, temu bual, 25 Februari 2024)

“Dulu-dulu memang ada, kadang isteri Islam suami tidak dan suami Islam isteri tidak. Tapi lama-lama kita pujuk- pujuk. InshaAllah dapat. Makan masa bertahun jugak lah, kadang setahun kadang dua tahun.”

(Peserta kajian 2, temu bual, 4 Mac 2024)

“Isu ini ada. Cumanya kita peringkat Penggerak dengan kerjasama penguatkuasa pejabat agama akan sentiasa pantaulah berkenaan dengan ini. Pastu dengan bantuan Tok batin apa semua ni, kita sentiasa update. Lepas tu sampailah ada satu keputusan sama ada dia berpisah ataupun yang seorang lagi itu masuk Islam dan kita daftarkan perkahwinan macam biasalah.”

(Peserta kajian 3, temu bual, 4 Mac 2024)

“Ada juga berlaku. Kita slowtalk dengan dia, ada yang nak ikut, ada yang buat keras tak nak ikut. Tapi kita ceritalah kat dia kesalahan apa semua tu.. Tindakan nak pisahkan mereka tak ada la sebab akan menyebabkan kesan kepada keluarga. Mudarat besar sebab di sini macam yang tak Islam pandang serong dan berlaku pergaduhan.”

(Peserta kajian 4, temu bual, 5 Mac 2024)


“Memang ada sebelum saya masuk, ada kes lah satu keluarga tu suami dia Islam isteri dia tak Islam. Saya kata tak boleh duduk sebumbung walaupun awak dah kahwin, bila tanya kahwin macam mana? kahwin secara adat. Secara adat saya cakap tak boleh kita kena selesaikan hanya pujuk isteri dia untuk masuk Islam.”

(Peserta kajian 5, temu bual, 5 Mac 2024)

Hasil daripada temu bual di atas, didapati bahawa sebilangan pasangan suami isteri masih lagi berkesedudukan walaupun berlainan agama yang dianuti. Kemasukkan para pendakwah ke dalam perkampungan masyarakat orang asli telah berjaya membuka mengubah kepercayaan mereka daripada kepercayaan animisme kepada mempercayai Tuhan yang Esa. Ada di antara pasangan suami masyarakat orang asli yang memeluk agama Islam secara bersama. Terdapat juga hanya salah seorang sahaja yang menganut Islam sama ada di pihak suami atau isteri. Adakala pasangannya memeluk Islam dalam masa terdekat dan ada juga yang memeluk Islam selepas berlalu masa yang lama.

Terdapat juga pasangannya kekal dalam agama asal. Proses memujuk pasangan yang belum Islam kadang kalanya mengambil masa yang lama sehingga berlanjutan bertahun-tahun. Apa yang berlaku ialah mereka tetap berhubungan seperti suami isteri walaupun salah seorang daripadanya beragama selain Islam. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan yang perlu dilihat dalam kes sebegini. Adakah dalam hukum syarak membenarkan amalan sebegini atau pasangan ini perlu berpisah sebagai suami isteri. Atau adakah ada ruang masa yang diberikan dalam Islam supaya pasangannya diberi kesempatan waktu untuk menerima Islam? dan sekiranya terdapat ruang masa, berapa lama tempoh yang diberikan oleh syarak sebelum pasangan suami isteri ini dipisahkan.

Inilah yang perlu diperhalusi agak pendekatan fiqh yang diambil tidak menjauhkan masyarakat orang asli daripada Islam. Seandainya diambil pendekatan fiqh yang rigid seperti perpisahan berlaku serta merta dengan pengislaman salah seorang pasangan suami isteri yang memeluk Islam maka pendekatan ini akan menjauhkan masyarakat orang asli daripada Islam. Berdasarkan dapatan temu bual di atas, terdapat isu akan dilihat pelbagai aspek. Pandangan para fuqaha perlu diteliti bagi memberikan solusi terbaik.



Rajah 1: Dapatkan Analisis Transkrip Temu Bual Soalan 10 Perisian Atlas Ti

Isu Munakahat: Perkahwinan bawah umur

Menurut Mohamad Zulkifli et al. (2014), mencari jodoh merupakan salah satu masalah bagi golongan belia Orang Asli Islam. Hal ini disebabkan oleh populasi Orang Asli Islam yang tidak seimbang dan tidak ramai di beberapa kawasan. Orang asli kebiasaannya berkahwin dalam usia yang sangat muda. Bagi gadis, mereka biasanya berkahwin sebelum umur empat belas tahun, dan bagi teruna, sebelum dua puluh tahun. Ia dapat dilihat berdasarkan kata-kata peserta kajian seperti di bawah:

“Ada, banyak. Ada sokmo ustaz perkahwinan bawah umur ni..”

(Peserta kajian 1, temu bual, 25 Februari 2024)

“Ada. Yang bawah umur 14, 15 tahun yang Islam ini kena ke mahkamah...”

(Peserta kajian 2, temu bual, 4 Mac 2024)

“Memang dia orang ni memang ikutkan majoritinya memang banyak kahwin muda lah. Yang tak habis sekolah lagi pun dah berkahwin..”

(Peserta kajian 3, temu bual, 4 Mac 2024)

“Ada ustaz yang kahwin bawah umur. Jadi kebiasaan masyarakat mereka dah..”

(Peserta kajian 4, temu bual, 5 Mac 2024)


“Kahwin bawah umur tak ada. Dua belas tahun setakat ini saya di sini tak ada la. Kalau tempat lain tu Wallahua’alam.

(Peserta kajian 5, temu bual, 5 Mac 2024)

Berdasarkan dapatan temu bual di atas, pandangan mengenai perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat Islam orang asli menunjukkan pelbagai perspektif yang mencerminkan kompleksiti isu ini. Sebahagian besar peserta kajian melaporkan bahawa perkahwinan bawah umur merupakan perkara biasa dalam komuniti mereka. Sebagai contoh, seorang peserta menyatakan, “Banyak kes perkahwinan bawah umur berlaku dalam komuniti ini” (Peserta kajian 1, temu bual, 25 Februari 2024). Ini menunjukkan bahawa fenomena ini mungkin lebih meluas daripada yang dijangkakan. Seorang lagi peserta menambah bahawa perkahwinan melibatkan individu berusia 14 hingga 15 tahun memerlukan campur tangan mahkamah, menunjukkan aspek perundangan yang terlibat dalam isu ini (Peserta kajian 2, temu bual, 4 Mac 2024).

Selain itu, seorang peserta kajian lain menyatakan bahawa majoriti dalam komuniti ini mengamalkan perkahwinan muda, malah ada yang berkahwin sebelum menamatkan sekolah (Peserta kajian 3, temu bual, 4 Mac 2024). Ini menunjukkan bahawa perkahwinan awal adalah amalan yang diterima secara meluas dan mungkin berkaitan dengan faktor sosial dan budaya dalam komuniti tersebut.

Perkahwinan di usia muda banyak mengundang pelbagai masalah. Menurut Siti Ayshah (2022), perkahwinan remaja perempuan di bawah umur 15 tahun lebih kerap didera oleh pasangan sama ada secara seksual atau secara fizikal berbanding pasangan yang mendirikan rumahtangga melebihi umur 18 tahun. Selain itu ianya juga boleh menimbulkan banyak isu berkaitan fiqh munakahat seperti nafkah, penceraian, nasab dan lain-lain. Lantaran itu penguatkuasaan undang-undang diambil bagi menghalang perkara ini berlaku dengan menetapkan had umur minima perkahwinan oleh pihak berkuasa.



Rajah 2: Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual Soalan 11 Perisian Atlas Ti

Isu Munakahat : Wali Pernikahan Fasik

Gadis orang asli muslim yang hendak berkahwin memerlukan wali bagi memenuhi rukun nikah dalam Islam. Wali di sini merujuk kepada ayah bakal pengantin perempuan dan sekiranya tidak ada maka akan berpindah kepada wali yang lain. Bagi mereka yang bapanya telah memeluk Islam maka wali bagi upacara akad nikah adalah bapanya sendiri. Syarat untuk menjadi wali mestilah adil dan tidak boleh fasik. Kajian menunjukkan ramai dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli mengabaikan kewajipan sebagai seorang muslim seperti tidak solat, puasa, mendedahkan aurat dan sebagainya (Halim Ismail et al., 2023; Che Nur Hasanah, 2018). Menurut hukum Islam pengabaian kewajipan yang difardukan menyebabkan seseorang itu dihukumkan sebagai orang yang fasik. Maka dalam hal ini wali yang mengabaikan kewajipan dalam Islam gugur hak kelayakan untuk mewalikan anak perempuannya. Berkenaan wali pernikahan ini turut diajukan soalan kepada Penggerak dan ia dapat dilihat berdasarkan kata-kata peserta kajian seperti di bawah:

“Wali nikah serupa kita, kalau tak ada wali baru pergi ke wali Hakim. Kalau dulu sebelum ini kalau kawasan Kuala Betis, tok kadi suruh buat kalau bapak tak islam ka, bapa tak ada ka disuruh buat pertukaran wali lah. Dia suruh buat akad sumpah la jugak. Pertukaran wali ke adik, abang, sepupu. Meme akan suruh angkat sumpah..”

(Peserta kajian 1, temu bual, 25 Februari 2024)

“Jika bapanya beragama Islam, biasanya bapanya yang akan jadi wali ataupun adik beradik. Kalau yang tak Islam tu kita mohon Wali Sultan di mahkamah.”

(Peserta kajian 2, temu bual, 4 Mac 2024)

“Okey lah ada masalah keluarga kat situ yang tak nak walikan adik beradiknya. Walaupun biasanya isu dia adik beradik lah, yang tak ada ayah dah walaupun ayah Islam tapi ayah dah tak ada, tinggal adik beradik je dia ada. Ada la pernah saya punya kes tu memang adik beradik dia tak nak jadi wali..”

(Peserta kajian 3, temu bual, 4 Mac 2024)

“Kalau wali fasik pun kita terima, cuma suruh istighfar dulu la. Kalau tiada juga, guna wali hakim..”

(Peserta kajian 4, temu bual, 5 Mac 2024)


“Kalau ada ahli keluarga dia yang Islam, kita akan panggil ahli keluarga lah. Kalau keluarga dia tak ada, kita akan gunakan wali hakim lah. Dulu, wali hakim ni tak perlu naik mahkamah. Kira ada pelepasan daripada mahkamah. Tapi sekarang ni sebab ada isu-isu yang berbangkit maka kita terpaksa ke sana. Cuma sekarang wakil daripada Penggerak macam saya yang jaga sini, saya akan pergi buat penerangan. Kita kena katakan dia Islam, keluarga dia tak ada yang Islam. Kalau sebelum ni, dia orang kena datang sekali dan saya pun kena ada sekali yang katakan ahli keluarga pun kena ada sekali.”

(Peserta kajian 5, temu bual, 5 Mac 2024)

Dalam temu bual di atas, isu status wali merupakan antara permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam orang asli. Dalam isu ini sekiranya tiada wali yang sesuai, maka wali hakim akan digunakan. Jika bapa tidak Islam atau tiada, naib kadi akan mencadangkan pertukaran wali

kepada adik-beradik atau sepupu dan perlu mengangkat sumpah. Terdapat juga permasalahan di mana adik-beradik enggan menjadi wali, terutama jika ayah sudah tiada. Masalah ini sering timbul dalam kes-kes di mana adik-beradik tidak mahu bertanggungjawab sebagai wali. Selain itu, sekiranya wali seorang yang fasik maka wali tersebut masih boleh diterima dengan syarat melakukan istighfar terlebih dahulu dan jika tidak boleh, wali hakim akan digunakan.

Dalam konteks orang asli, hubungan kekeluargaan sesama mereka sangat rapat. Bahkan dalam adat perkahwinan orang asli peranan bapa sangat penting dalam konteks menjalankan upacara perkahwinan anak mereka. Pasangan Orang Asli yang hendak berkahwin memerlukan wali untuk menikahkan mempelai mereka. Upacara itu memerlukan kehadiran wali lelaki dan perempuan. Tanpa kehadiran mereka, perkahwinan tidak sah. Justeru itu, sekiranya bapanya tidak boleh menjadi wali setelah mereka Islam maka ini akan mengundang pandangan yang negatif terhadap ajaran Islam dan boleh mendatangkan mafsadah yang lebih besar seperti kembali semula kepada agama asal mereka (Paiz & Mohd Anuar, 2020).



Rajah 3: Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual Soalan 12 Perisian Atlas Ti

Isu *Munakahat*: Pembayaran Mas Kahwin

Pemberian yang mesti dilakukan oleh lelaki kepada wanita yang akan menjadi isterinya dikenali sebagai mahar. Ia juga disebut sebagai "mas kahwin" dan hukumnya wajib buat para suami untuk membayarnya kepada isteri. Terdapat sebilangan pengantin lelaki masyarakat Islam orang asli tidak membawa mas kahwin ketika majlis akad nikah berlangsung. Hal ini menyebabkan pembayaran mas kahwin tertangguh. Selain itu, ada juga pengantin lelaki yang berhutang dengan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) untuk membayar mas kahwin dan tidak menjelaskan semula hutang bayaran tersebut. Ia dapat dilihat berdasarkan dapatan temu bual bersama peserta kajian seperti di bawah:

"20 ya ja ustaz. Kalau tak bekerja, sekadar tu ja la. Ada yang bayar sendiri, ada juga yang minta Penggerak untuk bayarkan, dah anak buah dia masing-masing kan. Terpaksa tolong la, tak apa lah 20 ya ja ustaz..."

(Peserta kajian 1, temu bual, 25 Februari 2024)

"Kita suruh dia cari sendiri. Kalau duit Penggerak kena gantilah. Saya pernahlah saya bagi, esoknya kena gantilah sebab tak mahal kan. Sebab mas kahwin tak boleh duit orang lain kena ganti, dia faham. Bila kahwin tu kadang dia orang tak bawa apa lah, itu yang kita kena kena dahulukan duit lah. Mas kahwin dan upah nikah."

(Peserta kajian 2, temu bual, 4 Mac 2024)

"Dia sama lah. Bukannya benda itu atas kaum, benda itu kan atas syariat. Contoh Kat Pahang RM 22.50, ikutlah apa yang dah ditetapkan. Tak ada beza lah. Cuma ada jugak lah yang berhutang dengan Penggerak."

(Peserta kajian 3, temu bual, 4 Mac 2024)

Di samping itu, terdapat juga PMOA membantu dengan cara memohon wang zakat daripada pejabat zakat untuk membayar mas kahwin pengantin lelaki. Selain itu, ada juga Penggerak yang menanggung kos kursus kahwin anak-anak buah mereka agar mereka turut serta dalam kursus tersebut. Ia dapat dilihat seperti temu bual di bawah:


"Mas kahwin kebiasaannya akan minta mereka cari sendiri. Kadang mereka tak mampu kita usahakan dapat bantuan zakat. Hantaran mereka tinggi. Ada yang mencecah Rm 10,000 untuk Perempuan yang ada ijazah. Kira harga semasa."

(Peserta kajian 4, temu bual, 5 Mac 2024)

"Dia orang bayar sendiri lah RM 22.50. Dia bayar duit lah. Kalau sini kena pergi kursus kahwin juga sebenarnya. Kalau sekarang kita ada pelepasan kalau umur 40 tahun ke atas. Kalau bawah 40 kita minta hadirilah. Setakat ini kita suruh hadir dia orang hadirilah. Baru ini 2 orang daripada Kampung Pasir dengan Kampung Piang datang. Bayaran separuh je lah, daripada 120 kita minta bayar dalam 60, 60 lagi kita bayar."

(Peserta kajian 5, temu bual, 5 Mac 2024)

Timbul persoalan di sini, apakah kadar minima mas kahwin berdasarkan pandangan fuqaha yang boleh menjadi sandaran kepada mahar bagi perkahwinan masyarakat Islam Orang Asli? dan apakah status perkahwinan bagi pengabaian bayaran mas kahwin? Pengkaji akan menganalisis masalah ini dan melihat pandangan fiqh berkaitan isu pembayaran mas kahwin.



Rajah 4: Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual Soalan 13 Perisian Atlas Ti

Kesimpulan

Penulisan ini telah berjaya mengenalpasti beberapa isu kritikal munakahat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli. Fasa ini sangat penting kerana ia menjadi asas utama dalam pembinaan model fiqh munakahat masyarakat Islam Orang Asli. Ia juga bagi memastikan kajian yang dilakukan sangat relevan dengan permasalahan yang berlaku dalam kalangan mereka. Isu-isu ini perlu dilihat dalam kerangka hukum Islam yang lebih luas. Pendekatan fiqh yang mesra dengan latar belakang masyarakat orang asli perlu diambil kira bagi memastikan ajaran Islam dilihat sebagai agama yang mudah dan tidak menyukarkan.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Ministry of higher education (MOHe) melalui Fundamental Research Grant scheme (FRGS) (FRGS/1/2023/SSI13/UITM/02/5).

Rujukan

- Abdul Ghafar Don et.al. (2019). Kesiediaan, sikap dan motivasi: Penggerak masyarakat orang asli (PMOA) dalam aktiviti dakwah kepada orang asli di Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 41(2) 2019, 99-105.
- Abdul Ghafar Don et.al. (2024). Penerimaan pelajar terhadap konstruk kompetensi latihan amali dakwah (LAD). *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(2), 24-37.
- Abdul Ghafar Don. (2014). *Masyarakat orang asli muslim Malaysia: Senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Dakwah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, UKM Bangi.
- Abu Sofi Hasbullah et.al. (2023). Pengamalan Komunikasi Dakwah kepada Orang Asli di Negeri Selangor. *Sains Insani*, 8(1), 160-167.
- Ahmad Fauzi Shahar et al. (2017). Faktor tarikan masyarakat orang asli memeluk Islam di Selangor. eproceeding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Asilah Selamat & Khazri Osman. (2022). *Persepsi orang asli terhadap dakwah Islamiyah*. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2017). Aktiviti dakwah JAKIM Terhadap masyarakat orang asli: Pelaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 1(1), 45-61.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2014). *Aktiviti dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap masyarakat orang asli: Pelaksanaan dan cabarannya*. Prosiding Bicara Dakwah kali ke 15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. (2023). *Cabaran Melestarikan Praktikal Islam Dalam Kehidupan Sehari-hari Masyarakat Orang Asli Jahai Di Tasik Banding, Perak*. Universiti Melaka.
- Mohd Firdaus Nordin & Zanisah Man. (2023). Perbincangan mengikut undang-undang adat dalam perkahwinan komuniti orang asli Semai di Pos Bersih, Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(8), 1-13.
- Muhammad Solihin Abd Razak & Nawawi Mohamad Nawawi Ismail. (2023). Peranan MAIK terhadap komuniti orang asli di negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan dan Kemanusiaan. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 91-108.
- Norhafizah Ahmad et.al. (2022). Kepercayaan, adat budaya dan amalan keagamaan orang asli Kanaq di Kota Tinggi, Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 26-32.
- Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2023). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur orang asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47-56.
- Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli (2020). Pertimbangan uruf dalam interaksi tradisi masyarakat orang asli di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 170-188.
- Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi sosio-budaya masyarakat orang asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 1-20.
- Paiz Hassan (2022). *Pembinaan model fiqh ibadah orang asli di negeri Perak*. [Unpublished Doctoral Dissertation]. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Paiz Hassan et al. (2023). Konsep asas taysir dalam menangani isu fiqh masyarakat Islam orang asli. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 5(2), 154-162.
- Shaqinur Ain Mohidin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat orang asli suku kaum jakun dengan masyarakat melayu setempat. *International Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 153-161.
- Zohdi Amin MZM. (2018). *Taysir method of teaching halal and haram to indigenous people (orang asli) in Malaysia- A Preliminary Study*. American Scientific Publisher.
- Zulkefli Aini & Nor Izzatul Husna Burhan. (2022). Pembangunan pendakwah orang asli daripada aspek kerohanian: Satu pendekatan fuzzy delphi. *Al-Hikmah* 14(2), 24-47.
- Zulkefli Aini et al. (2018). Topik-topik komunikasi dakwah dalam mesej akidah kepada masyarakat orang asli di Selangor. *Sains Insani*, 3(2), 15-21.
- Zulkefli Aini et.al. (2019). Strategi komunikasi pemujukan pendakwah dalam penyampaian mesej islam kepada masyarakat orang asli di Selangor. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(1), 12–26.
- Zulkefli bin Aini et.al. (2018). Pengamalan bentuk-bentuk komunikasi dakwah pendakwah orang asli. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 13, 103-116.